

**SOALAN NO. 33****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD. RAHMAN**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan justifikasi terhadap penerima bantuan sedia ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi warga OKU dan lain-lain yang terpaksa membuat permohonan semula untuk mendapatkan bantuan.**

57

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang miskin, tercicir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan. Menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pada tahun 2016 telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai 462,322 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.52 bilion dan pada sehingga Ogos 2017, JK M telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM941.76 juta untuk manfaat 475,883 orang penerima.

Setiap bantuan bulanan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu (1) tahun sahaja dan adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemaskini maklumat melalui Borang Kajisemula (JKM20) dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh bantuan tamat. Kemaskini maklumat ini perlu

dilakukan oleh penerima bantuan bulanan sedia ada disebabkan keperluan berikut:

- i) Memastikan kebajikan dan kesejahteraan penerima bantuan terus terpelihara;
- ii) Mendapatkan maklumat terkini terhadap sebarang perubahan terutama dari segi alamat perhubungan dan nombor telefon bagi memudahkan maklumat disampaikan;
- iii) Menilai sebarang perubahan dari segi sosioekonomi penerima bantuan bagi membolehkan bantuan yang lebih baik diberikan;
- iv) Mengenalpasti permasalahan utama yang dihadapi oleh penerima bantuan bagi membolehkan bimbingan yang lebih terlaras dan sesuai diberikan;
- v) Memastikan penerima bantuan masih hidup bagi mengelakkan bayaran bantuan terus dibuat dan ini dapat mengelakkan ketirisan wang kerajaan;
- vi) Elemen kerja sosial dapat dilakukan dimana merapatkan perhubungan diantara pegawai kes dengan penerima bantuan

Bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara. Bantuan ini merupakan salah satu bentuk sokongan bagi membantu kumpulan sasar

yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh tertentu. Setiap bantuan yang telah diluluskan akan disiasat dan diberi pertimbangan sewajarnya semula setiap tahun berdasarkan kelayakan dan bukan hak, tanpa mengira latar belakang kaum, agama, jantina dan fahaman politik. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari.